



PERATURAN KEJOHANAN OLAHRAGA
MAJLIS SUKAN SEKOLAH SEKOLAH DAERAH PENDANG
KALI KE 16, TAHUN 2025

1. **UNDANG-UNDANG PERTANDINGAN**

Kejohanan ini dijalankan mengikut Undang-undang Kesatuan Olahraga Amatur Malaysia (KOAM), peraturan-peraturan am, Majlis Sukan Sekolah-sekolah Malaysia dan Peraturan-peraturan Pertandingan, Kejohanan Balapan dan Padang Majlis Sukan Sekolah-sekolah Kedah.

2. **ACARA – ACARA DAN UKURAN SERTA TIMBANGAN ALAT – ALAT PERTANDINGAN**

	ACARA	LELAKI					PEREMPUAN				
		18 TKB	15 TKB	13 TKB	12 TKB	10 TKB	18 TKB	15 TKB	13 TKB	12 TKB	10 TKB
01	100 M	X	X		X	X	X	X		X	X
02	200 M	X	X		X		X	X		X	
03	400 M	X	X	X			X	X	X		
04	800 M	X	X				X	X			
05	1000 M				X					X	
06	1500 M	X	X	X			X	X	X		
07	3000 M	X					X				
08	80 M LARI BERPAGAR				X 0.762 M					X 0.762 M	
09	100 M LARI BERPAGAR						X 0.762 M	X 0.762 M			
10	110 M LARI BERPAGAR	X 0.914 M	X 0.838 M								
11	LOMPAT TINGGI	X	X		X	X	X	X		X	X
12	LOMPAT JAUH	X	X	X	X	X	X	X	X	X	X
13	LOMPAT KIJANG	X	X				X	X			
14	MELONTAR PELURU	X 5.00 KG	X 4.00 KG		X 2.72 KG	X 2.00 KG	X 3.00 KG	X 3.00 KG		X 2.72 KG	X 2.00 KG
15	MELEMPAR CAKERA	X 1.50 KG	X 1.00 KG	X 1.00 KG	X 500G		X 1.00 KG	X 1.00 KG	X 1.00 KG	X 500G	
16	MEREJAM LEMBING	X 700 G	X 600 G				X 500 G	X 500 G			
17	4 X 100 M	X	X		X		X	X		X	
18	4 X 200 M				X					X	
19	4 X 400 M	X	X				X	X			
	JUMLAH	15	15	04	10	04	15	15	04	10	04

2.1 Acara 80, 100 dan 110 meter Lari Berpagar

KATEGORI	BIL. PAGAR	TINGGI PAGAR	PAGAR 1 DARI GARISAN PERMULAAN	PAGAR KE PAGAR	PAGAR AKHIR KE GARISAN PENAMAT
3L/3P	8	0.762 M	12.00 M	8.00 M	12.00 M
2P	10	0.762 M	13.00 M	8.50 M	10.50 M
1P	10	0.762 M	13.00 M	8.50 M	10.50 M
2L	10	0.838 M	13.74 M	9.14 M	14.00 M
1L	10	0.914 M	13.74 M	9.14 M	14.00 M

2.2 Kod 27 : Acara 4 X 200 M

- 2.2.1 **Pelari Pertama** akan gunakan lorong sendiri dan akan bermula di garisan 1 ½ stagger – seperti pelari pertama dalam acara 4 X 400 M
- 2.2.2 **Pelari Kedua** akan bersedia di garisan satu stagger yang akan disediakan
- 2.2.3 **Pelari Ketiga** akan bersedia di garisan ½ stagger (seperti pelari kedua dalam acara 4 X 400 M). Selepas menerima baton daripada pelari kedua, pelari ketiga mestilah berlari di lorong masing – masing sehingga ke selekoh pertama dan kemudiannya, beliau boleh memotong masuk ke lorong pertama.
- 2.2.4 **Pelari Akhir** akan bersedia di tempat penerimaan baton mengikut SENARAI MULA, dan menerima baton dengan syarat dia tidak menghalang atau menolak peserta lain

3.0 HADIAH – HADIAH

- 3.1 Acara Individu– Pertama, Kedua dan Ketiga
- 3.2 Acara individu 3000m terbuka - Pertama hingga Kelima
- 3.3 Acara Pasukan – Empat pingat akan diberikan kepada setiap pasukan yang berjaya menduduki tempat Pertama, Kedua dan Ketiga

4.0 PENDAFTARAN PENYERTAAN

- 4.1 Bagi kategori bawah 10 tahun, setiap sekolah adalah dibenarkan menghantar TIDAK LEBIH daripada seorang (1) peserta bagi setiap acara balapan dan padang.
- 4.2 Untuk kategori bawah 12 tahun, setiap sekolah adalah dibenarkan menghantar TIDAK LEBIH daripada dua (2) orang peserta bagi setiap acara balapan, seorang (1) bagi acara padang dan satu (1) pasukan bagi acara lari berganti-ganti.
- 4.3 Bagi kategori bawah 13 tahun, peserta dibenarkan mengambil bahagian di bawah kumpulan umur 15TKB **HANYA** bagi acara-acara yang tidak dipertandingkan di dalam kumpulannya.
- 4.4 Untuk kategori bawah 15 dan 18 tahun, setiap sekolah adalah dibenarkan menghantar TIDAK LEBIH daripada dua (2) orang peserta bagi setiap acara balapan dan acara padang dan satu (1) pasukan bagi acara lari berganti-ganti.
- 4.5 Bilangan maksima penyertaan seseorang peserta adalah seperti berikut :

KUMPULAN UMUR	BALAPAN DAN PADANG	LARI BERGANTI-GANTI
18 TKB	3 (TERMASUK TERBUKA)	2
15 TKB	3 (TERMASUK TERBUKA)	2
13 TKB	3 (TERMASUK TERBUKA)	-
12 TKB	2	2
10 TKB	1	-

- 4.6 Sekiranya didapati terdapat peserta yang mengambil lebih dari acara yang dibenarkan, semua penyertaan peserta tersebut akan dibatalkan.

5.0 KELAYAKAN AM PESERTA

- 5.1 Pelajar warganegara Malaysia yang belajar sepenuh masa di sekolah-sekolah rendah dan menengah serta sekolah swasta dan sekolah agensi kerajaan lain yang terbukti bergabung dengan MSS Negeri serta mematuhi dalam Peraturan AM (perkara 3) adalah layak menyertai kejohanan ini.
- 5.2 Penyertaan pelajar adalah tertakluk kepada had umur peserta.
- 5.3 Semua peserta kecuali peringkat umur 12 tahun dan ke bawah hendaklah bersedia menunjukkan kad pengenalan asal semasa pengesahan peserta oleh pihak pengelola pertandingan.

- 5.4 Seseorang peserta yang hilang kad pengenalan mesti mempunyai dokumen JPN KP09/KPPK 09 dengan gambar ukuran pasport dari Jabatan Pendaftaran Negara. Manakala peserta yang sedang memohon mendapatkan kad pengenalan kali pertama perlu menunjukkan dokumen JPN KP11/KPPK 11 dengan gambar ukuran pasport dari Jabatan Pendaftaran Negara.
- 5.5 Pelajar Sekolah Harian.
 - 5.5.1 Pelajar-pelajar yang sedang menunggu keputusan peperiksaan rasmi Kementerian Pelajaran Malaysia tidak layak menyertai semua pertandingan MSSD.
 - 5.5.2 Pelajar Tingkatan 6 Bawah hanya menjadi pelajar Tingkatan 6 Bawah mengikut tarikh pendaftaran untuk pelajar Tingkatan 6 Bawah di sekolah Kerajaan yang dikeluarkan oleh Bahagian Sekolah Harian, Kementerian Pelajaran Malaysia.
 - 5.5.3 Bukti pengesahan bagi penyertaan pelajar Tingkatan 6 Bawah sekolah bantuan kerajaan adalah dengan mengemukakan salinan surat tawaran rasmi kemasukan ke Tingkatan 6 Bawah yang telah disahkan oleh Pengetua/Penolong Kanan sekolah berkenaan.
- 5.6 Pelajar Sekolah Sukan Malaysia dan Akademi Permainan Kebangsaan.
 - 5.6.1 Pelajar Sekolah Sukan Negeri
 - 5.6.1.1 Pelajar-pelajar yang ditawarkan oleh Jabatan Pelajaran Negeri Kedah ke Sekolah Sukan Negeri hendaklah mewakili sekolah asal tempat beliau bersekolah / sekolah terakhir dalam kejohanan MSSD/MSSK.
 - 5.6.2 Sekiranya seseorang pelajar mewakili sekolah lain TANPA KEBENARAN dari sekolah asal, maka beliau TIDAK DIBENARKAN bertanding di Kejohanan MSSD dan tindakan disiplin akan diambil terhadap pelajar dan sekolah berkenaan.
 - 5.6.3 Pelajar yang memasuki semula sekolah harian dari Sekolah Sukan Malaysia / Sekolah Sukan Negeri hendaklah mewakili sekolah terkini pelajar berkenaan sedang belajar. (Rujuk Peraturan MSSM 3.1.1.4)
 - 5.6.4 Pelajar Sekolah Sukan Negeri hendaklah mewakili sekolah asalnya dalam pertandingan MSSD dan disertakan dengan permohonan secara bertulis kepada Pengetua Sekolah Sukan Negeri.
 - 5.6.5 **Jika khidmat pelajar berkenaan tidak diperlukan oleh sekolah asalnya maka ia dibenarkan mewakili sekolah lain dengan syarat sekolah berkenaan mendapatkan kebenaran bertulis daripada sekolah asal pemain.**
 - 5.6.6 Pengambilan pelajar Sekolah Sukan Negeri mestilah mengikut prosedur yang ditetapkan dan menjadi tanggungjawab pasukan berkenaan untuk mengambil dan menghantar balik serta mengutamakan keselamatan dan kebajikan pelajar tersebut.

6.0 PENDAFTARAN PESERTA – PESERTA

- 6.1 Pendaftaran peserta hendaklah dibuat melalui sistem _____. Semua butiran yang perlu hendaklah diisi sepenuhnya dan hendaklah disahkan oleh Pengetua atau Guru Besar sekolah masing-masing. Dokumen yang telah lengkap hendaklah dihantar kepada:

Urus setia Pertandingan
 Kejohanan Olahraga MSSD Pendang kali ke 16,2025
 Pada : 25 Mei 2025

- 6.2 Peserta-peserta yang hanya menyertai acara lari berganti-ganti dikehendaki mendaftar juga
- 6.3 Peserta-peserta hendaklah menyertakan BORANG PENYERTAAN INDIVIDU (**BORANG M 01 DAN R 01**) beserta satu salinan Surat Beranak (pelajar sekolah rendah) atau salinan Kad Pengenalan (pelajar sekolah menengah) yang telah disahkan oleh **Guru Besar/Pengetua/sekolah yang berkenaan sahaja** dan hendaklah dihantar juga pada _____
- 6.4 Peserta-peserta Kategori 18 Tahun Ke Bawah dan 15 Tahun Ke Bawah WAJIB membawa Kad Pengenalan asal atau setaraf dengannya sebagai Pengesahan Rasmi. Surat Akuian, Surat Sumpah dan sebagainya TIDAK AKAN DITERIMA (Rujuk Peraturan Am 4 MSSM).

7.0 MELAPORKAN DIRI PESERTA

- 7.1 Semua peserta mesti melaporkan diri **sekurang-kurangnya** 30 minit bagi acara balapan dan **sekurang-kurangnya** 45 minit bagi acara padang, sebelum waktu acara berkenaan dijadualkan berlangsung. Selepas itu, mereka akan diiringi ke tempat pertandingan oleh Penyelia Peserta
- 7.2 Peserta-peserta **TIDAK DIBENARKAN** melaporkan diri terus kepada Pegawai Teknik dalam arena pertandingan
- 7.3 Hebahan tentang panggilan peserta-peserta untuk melaporkan diri bagi acara-acara mereka **AKAN DIBUAT**. Maklumat meminta peserta melaporkan diri akan disiarkan dipapan kenyataan di tempat Pengelola Peserta. Hebahan juga akan dibuat sekiranya terdapat sebarang pindaan dalam susunan acara atau program kejohanan
- 7.4 Peserta-peserta hendaklah berpakaian lengkap dan nombor-nombor mereka mesti disematkan dengan pin pada setiap penjuru di baju lari masing-masing

8.0 PROSEDUR MASUK DAN KELUAR ARENA PERTANDINGAN

- 8.1 Peserta-peserta hendaklah berbaris apabila dibawa masuk dan keluar daripada arena pertandingan diringi oleh Penyelia Peserta
- 8.2 Untuk acara balapan, selepas sesuatu acara itu tamat, peserta-peserta hendaklah berada di lorong masing-masing, berpusing balik dan menghadap hakim-hakim balapan untuk menunjukkan nombor mereka dan balik ke tempat peserta dengan serta merta tanpa memasuki padang

9.0 MEMANASKAN BADAN

Peserta-peserta hanya dibenarkan memanaskan badan di tempat yang ditentukan

10.0 PAKU KASUT (SPIKES) DAN PERALATAN

- 10.1 **Paku Kasut** : Kejohanan ini akan diadakan di atas balapan jenis sintetik. Panjang maksima paku kasut (spikes) tidak boleh melebihi 09mm, kecuali untuk acara Lompat Tinggi dan Merejam Lembing. Untuk acara-acara tersebut, paku kasut tidak boleh melebihi 12mm.
- 10.2 **Peralatan** : Pihak Pengelola akan menyediakan semua peralatan termasuk Blok Permulaan..

11 CARA MENANDA DI TEMPAT-TEMPAT PERTANDINGAN

Peserta-peserta tidak dibenarkan menggunakan kapur atau lain-lain bahan sepertinya untuk menandakan di tempat – tempat pertandingan. Mereka hendaklah menggunakan pita yang disediakan oleh pasukan masing-masing.

12 UKURAN TINGGI PERMULAAN

Bagi acara-acara tersebut di bawah. Ukuran tinggi permulaan adalah seperti berikut :

14.1 Lompat Tinggi - Ketinggian Permulaan dan ketinggian palang.

14.1.2 Lelaki 18 tahun

1.50m, 1.55m, 1.60m, 1.64m, 1.68m, 1.72m, 1.75m, 1.78m, 1.81m, 1.84m, 1.86m, 1.88m, 1.90m, 1.92m, dan seterusnya.

14.1.3 Perempuan 18 tahun

1.30m, 1.35m, 1.40m, 1.45m, 1.49m, 1.53m, 1.57m, 1.60m, 1.63m, 1.65m, 1.67m, 1.69m, 1.71m, 1.73m, 1.75m, 1.77m, 1.80m dan seterusnya.

14.1.3 Lelaki 15 tahun

1.40m, 1.45m, 1.50m, 1.55m, 1.59m, 1.63m, 1.67m, 1.70m, 1.73m, 1.75m, 1.77m, 1.79m, 1.81m, 1.83m dan seterusnya.

14.1.4 Perempuan 15 tahun

1.20m, 1.25m, 1.30m, 1.35m, 1.39m, 1.43, 1.47m, 1.50m, 1.53m, 1.55m, 1.57m, 1.59m, 1.61m, 1.63, 1.65, 1.67m dan seterusnya

14.1.5 Lelaki 12 tahun

1.10m, 1.15m, 1.20m, 1.25m, 1.29m, 1.33m, 1.37m, 1.40m, 1.43m, 1.46m, 1.49m, 1.51m, 1.53m, 1.55m, 1.57m dan seterusnya

14.1.6 Perempuan 12 tahun

1.00m, 1.05m, 1.10m, 1.15m, 1.19m, 1.23m, 1.27m, 1.31m, 1.34m, 1.37m, 1.40m, 1.42m, 1.44m, 1.46m, 1.48m, 1.50m dan seterusnya.

14.1.7 Lelaki 10 tahun

0.70m, 0.75m, 0.80m, 0.85m, 0.90m, 0.95m, 1.00m, 1.03m, 1.06m, 1.09m, 1.12m, 1.15m, 1.18m, 1.20m, 1.22m dan seterusnya

14.1.8 Perempuan 10 tahun

0.60m, 0.65m, 0.70m, 0.75m, 0.80m, 0.85m, 0.90m, 0.95m, 0.98m, 1.01m, 1.04m, 1.07m, 1.10m, 1.02m, 1.04m, 1.06m dan seterusnya.

13 PAPAN LONJAKAN ACARA LOMPAT KIJANG

13.1 Jarak papan lonjakan dari kawasan mendarat bagi acara Lompat Kijang adalah seperti berikut :

PERINGKAT UMUR	LELAKI	PEREMPUAN
18 TKB	11 / 13 m	7 / 9 m
15 TKB	9 / 11 m	7 / 9 m

14 CARA MEMUTUSKAN KEPUTUSAN KEJOHANAN

14.1 Penentuan Peserta Terbaik

14.1.1 Hadiah Anugerah peserta terbaik adalah untuk kategori berikut:

- 14.1.1.1 Lelaki 18 tahun
- 14.1.1.2 Perempuan 18 tahun
- 14.1.1.3 Lelaki 15 Tahun
- 14.1.1.4 Perempuan 15 tahun
- 14.1.1.5 Lelaki 12 tahun
- 14.1.1.6 Perempuan 12 tahun

16.2 Penentuan Olahragawan dan Olahragawati

Penentuan olahragawan dan olahragawati akan ditentukan melalui pungutan pingat emas **individu** yang terbanyak. Jika seri, pingat perak akan di ambil kira dan jika masih seri, pungutan pingat gangsa akan diambil kira dan jika masih seri, kedudukan tempat ke4 akan diambil kira. Jika masih lagi seri kiraan mata akan digunapakai untuk menentukan olahragawan dan olahragawati.

16.3 Johan Keseluruhan

Johan Keseluruhan akan ditentukan berdasarkan sekolah yang memenangi pingat emas terbanyak. Jika berlaku seri, kiraan pingat perak terbanyak akan di ambil kira ; jika masih seri, kiraan pungutan pingat gangsa terbanyak akan diambil kira dan jika masih seri, kedudukan tempat ke 4 akan diambil kira.

15 SUKU AKHIR DAN SEPARUH AKHIR

15.1 RUJUK LAMPIRAN

16 BIP NOMBOR PENGENALAN

- 16.1 Huruf dan Nombor Peserta
- 16.1.1 RUJUK LAMPIRAN

17 BANTAHAN

Segala bantahan hendaklah dibuat mengikut Peraturan 146 KOM, kecuali perkara berikut :

- 17.1 Segala masalah berkaitan dengan kelayakan (status) seseorang peserta yang tidak dapat diselesaikan dengan memuaskan sebelum pertandingan bermula, maka peserta tersebut boleh mengambil bahagian di bawah bantahan (under protest) dan perkara tersebut akan dikemukakan kepada MSSM kelak.
- 17.2 Bantahan berhubung dengan acara-acara yang sedang dijalankan hendaklah dilakukan dengan serta merta dan tidak lewat daripada
 - 17.2.1 Lima belas (15) minit setelah keputusan rasmi diumumkan bagi acara-acara pusingan awal
 - 17.2.2 Tiga puluh (30) minit setelah keputusan rasmi diumumkan bagi acara-acara peringkat akhir
 - 17.2.3 Sebarang bantahan bertulis kepada Juri Rayuan mesti disertai dengan wang Pertaruhan sebanyak RM 200.00 (Ringgit Malaysia : Dua Ratus Sahaja)

18 HAK – HAK JAWATANKUASA PENGELOLA

- 18.1 Tiap-tiap acara akan dijalankan mengikut tarikh dan waktu seperti yang ditetapkan, tetapi Jawatankuasa Pengelola dengan persetujuan Pengerusi Teknik dan Pembangunan Balapan dan Padang MSSM, berhak meminda susunan acara jika difikirkan perlu. Jika berlaku pemindaan, Pengurus-Pengurus Pasukan akan diberitahu.
- 18.2 Jawatankuasa Pengelola berhak memutuskan sebarang perkara yang tidak tercatat dalam Undang-Undang Olahraga KOM terkini, Peraturan-Peraturan Am MSSM atau Peraturan-Peraturan Pertandingan Kejohanan Balapan dan Padang MSSD Termasuk TIDAK MEMBENARKAN penglibatan pelajar warga asing dalam kejohanan ini

19 HAL – HAL LAIN

- 19.1 Tempat-tempat khas akan disediakan untuk peserta-peserta dan pegawai-pegawai. Individu yang tidak berkenaan DILARANG masuk ke tempat-tempat khas tersebut
- 19.2 Selain daripada Pegawai-Pegawai Teknik yang bertugas dan peserta-peserta yang mengambil bahagian, TIDAK SESIAPAPUN DIBENARKAN MASUK KE ARENA PERTANDINGAN KECUALI DENGAN KEBENARAN PENGURUS KEJOHANAN
- 19.3 Jawatankuasa tidak bertanggungjawab ke atas kemalangan, kematian, kecacatan anggota, kehilangan anggota badan / harta benda / sebarang kecederaan lain berlaku :
 - 19.3.1 Semasa perjalanan pergi dan balik dari penginapan ke stadium
 - 19.3.2 Semasa kejohanan dijalankan
 - 19.3.3 Di dalam dan di luar kawasan stadium
 - 19.3.4 Di tempat-tempat penginapan
- 19.4 Walau bagaimanapun, pihak Pengelola Kejohanan akan berusaha untuk mengambil langkah-langkah bagi memastikan keselamatan dan kesejahteraan peserta dan pegawai terjamin setakat mana yang munasabah

***Disediakan oleh PTPS Olahraga
Daerah Pendang***